



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN PENANDAAN
LOGO BUATAN MALAYSIA



BUATAN MALAYSIA

Terbitan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Hakcipta terpelihara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tiada mana-mana bahagian terbitan ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:-
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 603-8882 5500
Faks : 603-8882 5826

Cetakan di Malaysia oleh,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Cetakan Pertama Disember 2014
Cetakan Kedua Januari 2017
Cetakan Ketiga November 2019

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENANDAAN
LOGO BUATAN MALAYSIA**



BUATAN MALAYSIA

NOVEMBER 2019
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	_ 4
Definisi Produk Buatan Malaysia	_ 4
Objektif	_ 5
Tujuan	_ 5
Skop	_ 6
Undang-Undang dan Peraturan Terpakai	_ 6
Kategori Penandaan Logo	_ 6
Pemohon Yang Layak	_ 6
Syarat-Syarat Permohonan	_ 6
Tempoh Permohonan	_ 7
Cara Memohon	_ 7
Dokumen Yang Perlu Disertakan	_ 8

ISI KANDUNGAN

Yuran Permohonan	9
Proses Kelulusan	9
Tempoh Sah Kelulusan	9
Syarat Pemakaian Logo Buatan Malaysia	9
Syarat-Syarat Penandaan Logo	11
Pembatalan Kelulusan	13
LAMPIRAN A : KELOMPOK INDUSTRI	14
LAMPIRAN B : CARTA ALIR KERJA PERMOHONAN PENANDAAN LOGO BUATAN MALAYSIA	15
LAMPIRAN C : KETERANGAN DAN PANDUAN TERPERINCI SYARAT-SYARAT PENANDAAN LOGO	16

**PENANDAAN
LOGO
BUATAN
MALAYSIA**

BARANG BAIK BARANG KITA

1. PENGENALAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertanggungjawab untuk memproses dan mengeluarkan Surat Kelulusan Penandaan Logo Buatan Malaysia kepada perniagaan persendirian/ perkongsian, syarikat sendirian berhad, dan koperasi setelah memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

1.1 DEFINISI PRODUK BUATAN MALAYSIA

Barang-barang

Apa-apa barang, benda, bahan, atau perkhidmatan yang dihasilkan akibat daripada mana-mana aktiviti pembuatan dan termasuk pelbagai produk.

Buatan Malaysia

- bagi barang tersedia bungkus (*pre-packed*) ertinya barang yang pada pembalut, beg atau bekasnya, **telah dinyatakan nama dan alamat pekilangnya di Malaysia**; dan
- bagi barang lain selain daripada yang tersedia bungkus, ertinya barang yang dibuat, dipasang, diubahsuai dan termasuk barang-barang yang telah **melalui proses terakhirnya di Malaysia**. Proses akhir adalah **terdapat transformasi daripada bahan separuh proses kepada barangan siap**.

Bukan Buatan Malaysia

- Barang-barang yang **diimpot** dengan kuantiti yang besar (*bulk*) dan kemudiannya **dibungkus dan dijual di negara ini**
- Barang-barang yang **diimpot secara “semi knocked down parts” yang dipasang (assembled)** di sini dan dijual di negara ini.

1.2 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan Penandaan Logo Buatan Malaysia adalah untuk:

- (a) Menerangkan dengan lebih terperinci tatacara dan prosedur permohonan penandaan Logo Buatan Malaysia;
- (b) Menambah-baik dan memudahkan proses permohonan logo agar dapat dibuat secara teratur dan tersusun;
- (c) Meminimakan sebarang permasalahan berkaitan penandaan Logo Buatan Malaysia; dan
- (d) Sebagai pengiktirafan bagi penentuan *Country of Origin*.

1.3 TUJUAN

Dokumen ini disediakan sebagai rujukan agar lebih difahami, komprehensif dan dapat mengamalkan prosedur permohonan yang baik dan efisien.

1.4 SKOP

Skop garis panduan ini meliputi:

- (a) Tatacara dan prosedur permohonan Penandaan Logo Buatan Malaysia; dan
- (b) Tatacara penggunaan Penandaan Logo Buatan Malaysia.

1.5 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TERPAKAI

Pengeluaran surat kelulusan penandaan ini serta logo ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap **Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]**

2. KATEGORI PENANDAAN LOGO

- 2.1 Sektor Pembuatan (*manufacturing*) seperti di **Lampiran A**;
- 2.2 Sektor ICT (perkakasan), dan
- 2.3 Sektor-sektor lain yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa.

3. PEMOHON YANG LAYAK

Pengilang yang ditakrifkan di bawah *Industrial Co-ordination Act 1975 [Akta 1975]*

“Means a person who is engaged in any manufacturing activity”

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau dengan badan-badan berdaftar yang lain;

- 4.2 Mempunyai lesen operasi yang masih sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- 4.3 Mempunyai lesen mengilang pengecualian mengilang oleh MIDA (sekiranya berkaitan);
- 4.4 Produk-produk yang dikeluarkan hendaklah melibatkan aktiviti proses pengilangan (*manufacturing activity*);
- 4.5 Produk mestilah dikilangkan di Malaysia dan mengandungi sekurang-kurangnya 51% bahan / kandungan tempatan; dan
- 4.6 Syarikat digalakkan untuk mendapatkan pendaftaran bagi Harta Intelek daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

5. TEMPOR PERMOHONAN

Surat kelulusan Penandaan Logo Buatan Malaysia dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja (bagi permohonan lengkap).

6. CARA MEMOHON

Permohonan Penandaan Logo Buatan Malaysia hendaklah dibuat secara *online* melalui portal rasmi kementerian di <http://kpdnhep.gov.my> atau <http://spacedeals.infopengguna.com>. Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada :-

Bahagian Pembangunan Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Aras 5, No. 13, Persiaran Perdana Presint 2, 62623 Putrajaya.	No. Tel : 03-8882 5776 03-8882 7013 03-8882 6324 No. Faks :03-8882 5826 Emel : spacedeals@kpdnhep.gov.my
--	---

7. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

Dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut:

- 7.1 Maklumat syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia/ badan-badan berdaftar yang lain.
- 7.2 Salinan lesen operasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang disahkan.
- 7.3 Salinan lesen mengilang / pengecualian mengilang daripada MIDA (sekiranya berkaitan).
- 7.4 Salinan Perakuan Pendaftaran bagi Harta Intelekt seperti Paten, Cap Dagang, Hak Cipta dan sebagainya daripada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (sekiranya berkenaan).
- 7.5 Senarai lengkap stock keeping unit (sku) yang dipohon untuk dilabel sebagai barangan buatan Malaysia.
- 7.6 Peratusan komposisi bahan mentah serta sumber (negara asal pengeluar negara pengedar) untuk menghasilkan setiap produk yang dipohon untuk dilabel sebagai barangan buatan Malaysia.
- 7.7 Salinan keputusan penilaian kandungan produk dari Kementerian Kesihatan Malaysia untuk produk kesihatan/ makanan/ kosmetik dan makanan kesihatan (sekiranya berkaitan).
- 7.8 Sijil pengesahan keselamatan produk daripada agensi yang diiktiraf oleh Kerajaan seperti SIRIM/ Kementerian Kesihatan/ Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- 7.9 Salinan Sijil-sijil pengesahan yang lain seperti Sijil ISO, Halal, HACCP/ MeSTI dan GMP.
- 7.10 Salinan *Certificate of Origin (CO)* bagi produk yang dieksport (sekiranya berkaitan).

- 7.11 Salinan laporan makmal/ sijil analisa makmal Jabatan Kimia Malaysia/ agensi makmal-makmal yang lain yang diiktiraf.
- 7.12 Permohonan juga perlu disertakan dengan contoh/ *sample* produk dan gambar produk yang jelas serta carta proses pembuatan produk yang jelas.

***Gambar berbentuk ilustrasi adalah dibenarkan.**

8. YURAN PERMOHONAN

Tiada sebarang yuran permohonan atau fi dikenakan kepada permohonan penandaan Logo Buatan Malaysia.

9. PROSES KELULUSAN

(Sila rujuk Carta Alir Kerja Permohonan Penandaan Logo Buatan Malaysia seperti di **Lampiran B**)

10. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN

Tempoh sah pemakaian Logo Buatan Malaysia adalah tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan / sijil.

11. SYARAT PEMAKAIAN LOGO BUATAN MALAYSIA

- 11.1 Surat kelulusan penandaan yang diberikan tidak boleh diniaga, dipindah milik atau dipinda isi kandungannya;
- 11.2 Kelulusan penandaan Logo Buatan Malaysia adalah berdasarkan kepada *Stock Keeping Unit (SKU)*.
- 11.3 Syarikat yang menggunakan Logo Buatan Malaysia tidak dibenarkan mengubah / menukar rupa bentuk dan warna asal Logo Buatan Malaysia;

- 11.4 Penandaan Logo Buatan Malaysia ini masih tertakluk kepada semua undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Pihak Kementerian berhak mengambil tindakan ke atas mana-mana pelanggaran bagi mana-mana syarat yang telah ditetapkan kepada individu/ syarikat yang diberi kelulusan;
- 11.5 Sentiasa mengamalkan perniagaan secara berintegriti dan beretika sepanjang pemakaian penandaan Logo Buatan Malaysia di produk/ premis/ lokasi dan lain-lain bahan cetakan berkaitan.
- 11.6 Sebarang perubahan ke atas nama syarikat, kilang/ premis dan alamatnya, bahan ramuan serta apa jua yang berkaitan dengannya, hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara bertulis;
- 11.7 Semua pemohon yang telah diberikan kelulusan secara sah dibenarkan menggunakan Logo Buatan Malaysia pada barangan berkenaan;
- 11.8 Logo Buatan Malaysia tidak akan diberikan sekiranya barangan dan perkhidmatan didapati memberi kesan kepada keselamatan dan kesihatan pengguna. Barangan dan perkhidmatan seperti ini hendaklah mendapat pengesahan daripada badan-badan atau agensi-agensi yang diiktiraf oleh kerajaan untuk menentukan standard keselamatannya;
- 11.9 Pihak Kementerian berhak mengambil tindakan ke atas mana-mana pelanggaran syarat yang telah ditetapkan kepada syarikat/ individu yang terlibat.

12. SYARAT-SYARAT PENANDAAN LOGO

- 12.1 Pemilik produk dibenarkan untuk menandakan Logo Buatan Malaysia pada setiap produk yang diluluskan.
- 12.2 Pemilik produk adalah dibenarkan untuk meletak Logo Buatan Malaysia bersama-sama dengan nama dan alamat pekilang, pengimpor dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tatacara dan bentuk logo seharusnya mengikut syarat-syarat yang digariskan seperti yang ditetapkan.
- 12.3 Logo Buatan Malaysia adalah seperti di diagram di bawah:



**BUATAN MALAYSIA
MADE IN MALAYSIA**

12.4 Logo hendaklah ditanda dengan jelas dan terang dengan mematuhi kepada perkara- perkara berikut :

a) Menggunakan rupataip (**Typeface**) *Helvetica Regular & Bold.*

b) Skema Warna



Cyan – 100 %
Magenta – 60%



Yellow – 100%
Magenta – 100%



Yellow-100%
Magenta-10%



Black -100%



Black -70%



Black -30

c) Penandaan logo dengan saiz 81.2mm x 63.8mm atau dengan saiz ratio.

d) Penandaan “Buatan Malaysia” hendaklah menggunakan Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, jika Bahasa Inggeris hendak digunakan, Bahasa Melayu hendaklah digunakan juga bersama Bahasa Inggeris tersebut.

e) Syarikat yang menggunakan Logo Buatn Malaysia tidak dibenarkan untuk mengubah/ menukar rekabentuk dan warna asal Logo Buatn Malaysia.

*[Keterangan dan panduan terperinci sila rujuk **Lampiran C**]*

13. PEMBATALAN KELULUSAN

Kementerian ini **BERHAK** menarik balik atau membatalkan kelulusan penandaan Logo Buatan Malaysia ke atas produk (SKU) yang telah diberikan **sekiranya** berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat pemakaian dan penandaan Logo Buatan Malaysia.

LAMPIRAN

KELOMPOK INDUSTRI

1. Bahan Binaan

Bangunan & hiasan perkakasan, bangunan dan pembinaan teknologi, keselamatan bangunan, batu-bata, simen, seramik, kaca, marmar, batu, jubin & kayu, bahan kimia, lapisan & cat, pintu, tingkap, lantai, dapur, perkakas kebersihan & kolam, dinding, bumbung & siling.

2. Elektrik dan Elektronik (E&E) dan ICT

Komputer dan teknologi komunikasi, produk elektronik pengguna, peralatan elektrik perindustrian & aksesori, peralatan pemasangan & kawalan, komponen elektrik dan aksesori, kejuruteraan elektronik, produk *hi-tech* & teknik-teknik baru, pencahayaan & lampu.


3. Gaya Hidup

Fesyen & pakaian, aksesori, *jewellery*, tali pinggang, beg tangan, kasut, tekstil, kain, benang, kosmetik, kelengkapan tandas, penjagaan personal, minyak wangi, minyak pati, hadiah, cenderahati, premium, kraftangan, hiasan barang-barang, kerja-kerja seni, produk isi rumah, hiasan dalaman dan perabot serta kesihatan.

4. Pembuatan (*Manufacturing Support*)

Automasi, teknologi automatik dan peralatan, robotik, CAD/CAE & peralatan analisis, peralatan perlindungan kebakaran & menyelamatkan, pembuatan am, logistik, pengangkutan dan pengudangan penyelesaian, peralatan mesin, pemesinan, stamping, penyelenggaraan dan pembaikan, metal fabrication (kimpalan logam), *mould & dies*, *casting*, *forging*, minyak & pelincir, pengeluaran, *processing*, percetakan & pembungkusan, penyejukan, penghawa dingin, pemanasan & pengudaraan, peralatan keselamatan, ujian, penentukuran, sensor & instrumentasi.

CARTA ALIRAN KERJA (PROSES KERJA)
PERMOHONAN LOGO BUATAN MALAYSIA



PANDUAN LOGO



BUATAN MALAYSIA



MADE IN MALAYSIA



BUATAN MALAYSIA


Colour Scheme:

 Cyan 100%
Magenta 60%

 Yellow 100%
Magenta 100%

 Yellow 100%
Magenta 10%

 Black 100%

 Black 70%

 Black 30%

Typeface:

BUATAN MALAYSIA
MADE IN MALAYSIA

- Helvetica REGULAR & **BOLD**



BUATAN MALAYSIA



MADE IN MALAYSIA

Rasional Logo

Pengiktirafan yang berterusan adalah kunci kepada keupayaan penghasilan barangan yang berdaya saing di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Sebagai negara yang berupaya menghasilkan barangan bermutu tinggi, pengesahan terhadap produk tempatan haruslah diutamakan. Dengan konsep 'be the best among the best' logo ini dijangka akan dapat diterima pakai sebagai pemangkin ke arah usaha yang lebih gigih dalam menghasilkan barangan buatan Malaysia.

Rekabentuk


Logo yang dihasilkan menitikberatkan usaha dan pengiktirafan yang berterusan yang menjadi sumber inspirasi masyarakat pengeluar barangan buatan Malaysia melalui industri kecil, sederhana dan juga besar yang dilambangkan dengan tiga jaluran utama.

Warna

Manakala warna pula memfokuskan kepada warna asas pada imej negara Malaysia. Harmoni, berdaya saing dan berjaya besar.

Rupataip

Perkataan **BUATAN MALAYSIA** dan **MADE IN MALAYSIA** di pilih dari jenis Helvetica Regular sebagai menampakkan pendirian dan pengukuhan masyarakat Malaysia dalam merialisasikan kempen ini secara serius dan juga sebagai tapak permulaan negara ke arah alaf baru.



Skala 1:1(mm)

CONTOH SENARAI LENGKAP**PRODUK YANG DIPOHON UNTUK DILABEL SEBAGAI BARANGAN BUATAN MALAYSIA**

BIL.	NAMA BRAND	JENIS PRODUK	SAIZ / BENTUK PRODUK / PERINCIAN / SKU*
1.	Agromas	Air Mineral	1.5 liter / botol 1 liter / botol
2.	Schneeballen	Pastry dan biskut	Choco Mandel Choco Chip Dusty Oreo
3.	Tajria	Makanan Sedia Segera	Pes Asam Pedas / 200 gm Pes Mee Bandung / 200 gm Pes Rendang / 200 gm Pes sambal Tumis / 200 gm

Petunjuk

- *SKU: Stock Keeping Unit*

LAMPIRAN 2

CONTOH SENARAI LENGKAP

PECAHAN KOMPOSISI BAHAN MENTAH BESERTA NEGARA ASAL

BIL.	NAMA SKU*	BAHAN MENTAH	PERATUSAN BAHAN MENTAH	NEGARA ASAL BAHAN MENTAH	KETERANGAN (SEKIRANYA BERKENAAN)
1.	Pes Asam Pedas	Minyak Masak	5%	Malaysia	Tidak Berkenaan
		Bawang Besar	25%	Malaysia	
		Lengkuas	2%	Malaysia	
		Serai	10%	Malaysia	
		Belacan	5%	Malaysia	
		Kunyit	5%	Malaysia	
		Cili Kering	30%	Malaysia	
		Garam Halus	5%	Malaysia	
		Asam Jawa	2%	Malaysia	
		Gula Pasir	11%	Malaysia	
		Jumlah Keseluruhan	100%		
2.	SL G12 Lampu Jalan	LED	4%	USA	Silikon
		Kanta LED (Lens)	7%	China	PMMA
		MCPCB	6%	Malaysia	Aluminium
		Penenggelam haba	10%	China	Aluminium
		Rangka Utama	27%	Malaysia	ADC12
		Bekalan Kuasa	6%	China	Aluminium
		Penutup Belakang	9%	Malaysia	Aluminium
		Plat Nama	4%	Malaysia	Plat Aliminium
		Cat	11%	Malaysia	Saduran Serbuk
		Penutup Atas	8%	Malaysia	ADC12
		Pelekat Penanda	3%	Malaysia	Litho
		Palet Kayu	5%	Malaysia	Wood
		Jumlah Keseluruhan	100%		









**BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Aras 5, No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62623 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 03-8882 6324/ 7013/ 5776

Faks: 03-8882 5826

Layari : <http://kpdnhep.gov.my>

<http://spacedeals.infopengguna.com>

Facebook: **Lima Dmenara**

